



**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA JAMINAN KUALITI (JKJK) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
KALI KEENAM**

---

Tarikh : 15 November 2011  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran  
Universiti Putra Malaysia  
Kehadiran : Lampiran A

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<b>Pendahuluan</b>	<p><b>Kata Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi :</p> <p>(a) Mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli Jawatankuasa Jaminan Kualiti (JKJK) Universiti Putra Malaysia ke mesyuarat kali keenam.</p> <p>(b) Merakam penghargaan kepada Tuan Haji Rosdi Wah kerana menanggung tugas semasa ketiadaan Ketua BJK yang sedang mengerjakan ibadat haji di Mekah Al Mukarramah.</p> <p>(c) Merakam penghargaan dan terima kasih di atas sokongan semua ahli sepanjang Audit Pemantauan oleh SIRIM pada 20 hingga 29 September 2011.</p> <p>(d) Mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Haji 1432H.</p>	<b>Makluman</b>
<b>Minit 6.1</b>	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju menerima Minit Mesyuarat kali ke-4 (8 Ogos 2011) dan Minit Mesyuarat kali ke-5(9 September 2011) tanpa sebarang pindaan.</p>	<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p><b>Minit 6.2</b></p>	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>(a) <u>Minit 5.2(a) : Audit Pemantauan Satu Pensijilan UPM</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Audit Pemantauan oleh SIRIM yang dijadualkan pada 20 hingga 30 September 2011 telah dipinda kepada tarikh 20 hingga 29 September 2011.</p> <p>(b) <u>Minit 5.2(d) : Status Pusat Antarabangsa</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa urusan pengurusan visa pelajar antarabangsa akan diserahkan kepada UPM Holdings. Majlis penyerahan tanggungjawab akan diadakan pada 16 November 2011.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<p><b>Minit 6.3</b></p>	<p><b>Laporan Status Penutupan Ketakakuran Audit SIRIM</b></p> <p>Mesyuarat :</p> <p>(a) Dimaklumkan akan keputusan Audit Pemantauan oleh SIRIM yang diadakan pada 20 hingga 29 September 2011</p> <p>(i) Terdapat 15 ketakakuran (NCR) yang diterima . Walau bagaimanapun satu (1) ketakakuran berkaitan pengurusan visa pelajar telah digugurkan.</p> <p>(ii) Terdapat 18 peluang penambahbaikan (OFI) telah ditemui.</p> <p>(b) Mengambil maklum bahawa pihak SIRIM telah menerima pembedulan dan tindakan pembedulan ke atas semua ketakakuran yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, bukti objektif hendaklah dihantar kepada SIRIM sebelum 31 Disember 2011.</p> <p>(c) Bersetuju supaya perbincangan tindakan ke atas peluang penambahbaikan (OFI) ditangguhkan terlebih dahulu kerana ia tidak perlu disertakan dalam laporan ketakakuran yang akan dikemukakan kepada SIRIM. Namun begitu, tindakan hendaklah diambil sebelum audit dalaman akan datang. Tarikh akhir tindakan ke atas OFI perlu dilaksanakan pada minggu kedua bulan April 2012.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ketua Seksyen Audit Kualiti / TWP PP / TWP PTJ</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(d) Bersetuju menetapkan bahawa aktiviti audit dalaman bagi tahun 2012 adalah sekali dalam setahun iaitu pada bulan Julai 2012. Bagi memantau keberkesanan melaksanakan SPK, aktiviti semakan sendiri perlu diteruskan di semua PTJ sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.</p> <p>(e) Dimaklumkan bahawa draf carta perbatuan aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti UPM bagi tahun 2012 telah disediakan dan akan diedarkan kepada semua ahli untuk maklum balas.</p>	<p><b>Ketua Seksyen Audit Kualiti / TWP PP / TWP PTJ</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<p><b>Minit 6.4</b></p>	<p><b>Cadangan Pindaan Dokumen</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan cadangan pindaan dokumen bagi skop Pengurusan (PGR) sepertimana ringkasan pindaan di <b>Lampiran 1</b> berkuatkuasa pada 18 November 2011.</p>	<p><b>Makluman</b></p>
<p><b>Minit 6.5</b></p>	<p><b>Hal-hal lain</b></p> <p>Mesyuarat :</p> <p>(a) Mengambil perhatian mengenai ketidakselarasan prosedur Pengurusan Aset terutama dari segi penyimpanan rekod kualiti. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju prosedur tersebut diteliti semula agar lebih jelas dan selaras bagi memudahkan pelaksanaan.</p> <p>(b) Mengambil perhatian mengenai ketidakseragaman format sesetengah borang SPK yang dikuatkuasa. Oleh itu, borang-borang SPK perlu ditambahbaik bagi memudahkan rujukan dan penggunaan.</p> <p>(c) Dimaklumkan bahawa Prosedur Pengurusan Makmal, dan Garis Panduan Pengurusan dan Keselamatan Makmal sedang dibangunkan oleh Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pejabat Naib Canselor. Bagi memudahkan rujukan dan pemantauan, mesyuarat bersetuju supaya prosedur dan garis panduan ini dimasukkan dalam skop Sokongan.</p> <p>(d) Mengambil perhatian mengenai isu yang dibangkit oleh KEPERTAMA dalam Mesyuarat Kebajikan Pekerja supaya Timbalan Wakil Pengurusan PTJ memainkan</p>	<p><b>TWP Bendahari/ TWP PPPA</b></p> <p><b>PKD</b></p> <p><b>TWP PNC</b></p> <p><b>TWP PTJ/BJK</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>peranan di peringkat PTJ terutama dalam memberikan kefahaman pelaksanaan SPK kepada staf pelaksana. Sehubungan itu, mesyuarat memutuskan supaya latihan kesedaran diberikan dari semasa ke semasa supaya staf dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan.</p> <p>(e) Mengambil maklum tentang cabaran pelaksanaan SPK di Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu kerana melibatkan pelbagai skop SPK dan PTJ. Oleh yang demikian, peneraju proses diminta membantu UPMKB dalam pelaksanaan dan penambahbaikan SPK dari semasa ke semasa.</p> <p>(f) Mengambil maklum bahawa Konvensyen Inovatif Kreatif (KIK) IPTA 2012 akan diadakan pada bulan Mac 2012 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sehubungan itu, beberapa kumpulan KIK UPM akan digerakkan bagi menyertai konvensyen berkenaan.</p>	<p><b>TWP PP</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<p><b>Penutupan</b></p>	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir dan mengharapkan kerjasama daripada semua PTJ bagi memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di UPM berjalan lancar.</p> <p>Mesyuarat tamat pada jam 10.30 pagi.</p>	<p><b>Makluman</b></p>

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 15 November 2011  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran  
Universiti Putra Malaysia

**Kehadiran**

1. Y. Bhg. Dato' Wan Azman Wan Omar
2. Tn. Hj. Rosdi Wah
3. En. Amran Samek
4. Pn. Nor Adida Ab Khalid
5. En. Mustafa Hj. Dollah
6. Tn. Hj. Jamsari Tamsir
7. Pn. Salmah Abdullah
8. Pn. Hamidah Meseran
9. Pn. Noorizai Mohamad Noor
10. En. Mohd Faudzir Abu Bakar
11. En. Abdul Ghani Hashim
12. Abd. Razak Ahmad
13. En. Mohd Ya'sak Masod
14. En. Julbakar Tajudin
15. En. Ramli Sulong
16. Tn. Hj. Mohd Aris Fadzilah Hj. Abdullah
17. Tn. Hj. Mhd. Hussin Abdul Rahim
18. Tn. Hj. Norrashikin Yahya
19. Pn. Zuraidah Ahmad
20. En. Shari Shawarudin Pandak Osman
21. En. Muhazam Mansor
22. Pn. Fairuz Muchtar
23. En. Mohammad Azlan Ali Basah
24. En. Amiruddin Abdul Aziz
25. En. Latif Anwar
26. En. Nalong anak Buda
27. Tn. Hj. A'ni Hamzah
28. En. Ahmad Nizam Abdullah
29. En. Wan Zaharuddin Wan Abdullah
30. En. Jamalludin Mohd Yatim
31. Pn. Wan Rohani Wan Mohamed
32. En. Mohamad Saroto Sairan
33. Pn. Suhana Md. Chairi
34. Pn. Noraihan Noordin
35. Pn. Rozi Tamin
36. En. Mat Razi Abdullah (Pencatat)
37. Pn. Arbaiyah Mohd. Isa (wakil Bahagian Akademik)
38. Pn. Siti Amira Shukor (wakil Pejabat Bendahari)

39. En. Abdul Rahim Utar (wakil FRSB)
40. En. Mohd. Izhwan Muhamad (wakil FK)
41. En. Abdul Mohd. Omar (wakil UPMKB)

**Tidak hadir (dengan kenyataan)**

1. En. Hashim Md. Shari
2. Pn. Chek Zan Kasah
3. En. Suhaifi Sulaiman
4. Pn. Rohani Abdul Latiff
5. En. Rosmi Othman
6. En. Mohd. Faisal Daud
7. Tn. Hj. Amran Zakaria
8. En. Alzasha Illiyyin Zainal Alam
9. En. Azman Ambia
10. En. Mustafa Che Ali
11. Tn. Hj. Ruslan Mohammad
12. En. Ab. Malek Simon
13. En. Hisyamuddin Hashim
14. Tn. Hj. Anuar Hj. Ahmad
15. En. Saheh Said
16. En. Mohd Khairi Hasan

**KELULUSAN CADANGAN PINDAAN/TAMBAHAN DOKUMEN (CPD)**

Cadangan pindaan dokumen diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Jaminan Kualiti UPM Kali Ke-6 pada 15 November 2011 yang berkuatkuasa pada **18 November 2011**.

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		Pinda (P) /Baharu (B) / Gugur (G)
		Asal	Baru	
CPD PGR: 6/2011	Bahagian Jaminan Kualiti UPM	<p><b>Pindaan pada Senarai Utama Dokumen Rujukan (PGR/SU01/Dokumen 02)</b>  <b>No. Semakan: 00, No. Isu: 02</b>  <b>Tarikh Kuatkuasa: 03/01/2011</b></p> <p>1. Ruangan “Kod Dokumen”, “Tajuk Dokumen”, dan “Lokasi/PTJ”            2. -</p>	<p><b>Pindaan pada Senarai Utama Dokumen Rujukan (PGR/SU01/Dokumen 02)</b>  <b>No. Semakan: 01, No. Isu: 02</b>  <b>Tarikh Kuatkuasa: 18/11/2011</b></p> <p>1. Tambahan ruangan “Tanggungjawab* ”            2. Tambahan ruangan Nota*  <u>Nota*</u>            Dokumen yang berada di Pusat Tanggungjawab yang dinyatakan pada ruangan “Lokasi/PTJ” adalah dibawah tanggungjawab berikut:            i. Semua PTJ- Pegawai Kawalan Dokumen            ii. Peneraju Proses- Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses            iii. Fakulti- Timbalan Wakil Pengurusan PTJ</p>	(P)